

# Faktor-faktor Yang Menyumbang kepada Kecemerlangan Akademik Pelajar di Universiti Teknologi Malaysia

Dr. Arham Abdullah, Baharin Mesir, Ahmad Muhaimin Mohamad  
Institusi Pembangunan Felo,  
Universiti Teknologi Malaysia,  
81310 UTM Skudai, Johor  
baharinm@yahoo.com

**Abstrak:** Kecemerlangan akademik merupakan matlamat utama kebanyakan pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT). Ia merupakan alat pengukur yang menentukan tahap kejayaan seseorang pelajar didalam bidang akademik di IPT. Persoalan utama yang ingin diselesaikan dalam kajian ini ialah apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada kecemerlangan akademik pelajar di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) supaya ia boleh membantu melahirkan pelajar yang cemerlang dari sudut akademik yang mampu berdaya saing didalam masyarakat. Diantara aspek yang diambil kira adalah dari segi latarbelakang pelajar, sikap terhadap pembelajaran dan persekitaran pembelajaran yang mempengaruhi seseorang pelajar. Kajian ini berbentuk kajian penerangan secara deskriptif yang berbentuk tinjauan menggunakan pendekatan kuantitatif dengan borang soal selidik dijadikan instrumen kajian.

**Katakunci:** Faktor Kecemerlangan Akademik, Institusi Pengajian Tinggi.

## 1.0 PENGENALAN

Kecemerlangan akademik merupakan matlamat utama kebanyakan pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT). Ia merupakan alat pengukur yang menentukan tahap kejayaan seseorang pelajar di dalam bidang akademik di institusi pengajian tinggi. Kecemerlangan di dalam bidang akademik dapat menunjukkan sejauh mana ilmu di dalam sesuatu bidang yang dipelajari itu mampu untuk dikuasai. Perkara ini merupakan satu isu yang amat penting di kalangan pelajar di IPT kerana merekalah yang bakal terjun dalam masyarakat dan menggerakkan segala aspek kehidupan dengan menggunakan ilmu dan kepakaran yang telah mereka pelajari di IPT.

Mungkin tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kesinambungan kemajuan sesebuah negara bergantung kepada mereka. Di bahu mereka inilah terletak seribu satu tugas dan cabaran di dalam membangunkan masyarakat agar dapat berdaya saing setanding dengan negara lain yang pesat berkembang di dalam pelbagai aspek kehidupan. Merekalah yang akan keluar sebagai bakal pemimpin dan tenaga profesional ataupun juga disebut sebagai modal insan yang penting ke arah menyumbang kepada kemajuan negara. Mereka sering digambarkan sebagai model golongan terpelajar yang sering dijadikan contoh di dalam masyarakat. Oleh kerana itu, sekiranya mereka mampu menguasai ilmu yang dipelajari dan mampu mengaplikasikannya di dalam masyarakat, sudah pasti masyarakat tersebut dapat berkembang dan membangun, di samping dapat meningkatkan taraf dan kualiti hidup masyarakat ke arah yang lebih baik.

Namun begitu, untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik, bukanlah satu perkara yang mudah. Banyak sebenarnya faktor-faktor yang mempengaruhi kecemerlangan akademik seseorang pelajar. Kecemerlangan akademik juga perlu seiring dengan kecemerlangan aspek-aspek yang lain seperti kemahiran komunikasi, kepimpinan, pengurusan diri, akhlak dan personaliti kerana secara tidak langsung ia banyak membantu ke arah pencapaian akademik yang cemerlang..

Justeru itu, di dalam usaha untuk melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang dari sudut akademik, faktor-faktor yang menyumbang kepada kecemerlangan akademik pelajar perlulah dikaji dan dikenal pasti supaya usaha-usaha yang dilakukan dapat mencapai matlamat dengan lebih berkesan.

### 1.1 Latar Belakang Masalah

Secara keseluruhannya, prestasi akademik pelajar-pelajar di UTM biasanya berada di tahap yang sederhana. Ini kerana, bilangan pelajar yang berjaya memperoleh Ijazah Kelas Pertama setiap tahun sangat rendah iaitu kurang dari 10% daripada jumlah pelajar yang graduan setiap tahun. Jumlah ini amat rendah berbanding pelajar yang memperolehi Ijazah Kelas Kedua dan Ijazah Kelas Ketiga. Senario ini menggambarkan keadaan yang sukar untuk mendapat kecemerlangan dalam bidang akademik.

Masalah ini bukan hanya terhenti setakat ini, malahan ia berlarutan ketika graduan memasuki pasaran kerja. Pencapaian akademik yang baik merupakan antara kriteria yang penting diambil kira oleh pihak majikan. Oleh kerana itu sukar bagi pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang rendah untuk mendapatkan kerja yang dipohon kerana tidak mampu bersaing dengan pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang baik. Akibatnya pengangguran di kalangan siswazah semakin bertambah.

Oleh kerana itu, satu formula atau usaha perlu difikirkan bagi membantu melahirkan pelajar yang cemerlang yang mampu berdaya saing di dalam masyarakat. Untuk menghasilkan formula tersebut, maka faktor-faktor yang mempengaruhi kecemerlangan akademik pelajar perlu dikenal pasti terlebih dahulu.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Persoalan utama yang ingin diselesaikan dalam kajian ini ialah apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada kecemerlangan akademik pelajar di Universiti Teknologi Malaysia supaya ia boleh membantu melahirkan pelajar yang cemerlang dari sudut akademik yang mampu berdaya saing di dalam masyarakat .

## **1.3 Objektif**

Matlamat kajian ini ialah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang ke arah kecemerlangan akademik pelajar. Di antara aspek yang diambil kira adalah dari segi latar belakang pelajar, sikap terhadap pembelajaran dan persekitaran pembelajaran yang mempengaruhi seseorang pelajar.

## **1.4 Skop Kajian**

Kajian ini hanya meliputi pelajar yang tinggal di semua 13 kolej kediaman di dalam kampus yang merangkumi pelajar sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah.

## **2.0 METODOLOGI KAJIAN**

### **2.1 Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini berbentuk kajian penerangan secara deskriptif yang berbentuk tinjauan menggunakan pendekatan kuantitatif dengan borang soal selidik dijadikan instrumen kajian. Tujuan diedarkan borang soal selidik berkenaan adalah untuk mendapatkan data secara kuantitatif berkaitan faktor kecemerlangan akademik pelajar di UTM. Menurut Mohd Najib (1997), kajian deskriptif memberikan gambaran terhadap situasi dengan penganalisan data hasil dari instrumen yang digunakan. Faktor demografi seperti umur, jantina dan sebagainya (lihat borang soal selidik) ditetapkan sebagai pemboleh ubah bebas kajian.

### 3.0 POPULASI & PERSAMPELAN

Populasi kajian adalah para pelajar UTM, Skudai yang menetap di dalam kampus (maksud di dalam kampus ialah mendiami kolej-kolej kediaman) sama ada kolej lingkaran dalam atau lingkaran luar. Manakala persampelan rawak terdiri dari responden yang menjawab borang soal selidik di mana instrumen berkenaan diagihkan secara rawak (tiada jumlah yang ditetapkan) bagi setiap kolej. Responden bebas atau secara suka rela menjawab borang soal selidik yang diedarkan. Sebanyak 650 borang soal selidik (untuk 650 responden) diedarkan kepada 13 buah kolej kediaman yang ditaburkan secara rawak. Manakala seramai 407 responden dari 12 buah kolej kediaman telah menjawab dan mengembalikan borang soal selidik (sebuah kolej kediaman tidak mengembalikan borang selidik atas masalah teknikal). (lihat lampiran ; soalan 4a).

### 4.0 INSTRUMEN

Alat kajian atau instrumen bagi kajian ini adalah berbentuk kuantitatif iaitu satu set borang soal selidik yang terdiri dari tiga bahagian (rujuk lampiran). Setiap bahagian tersebut adalah bagi melihat beberapa aspek yang ditentukan sebagai mana objektif kajian. Tiga bahagian soal selidik tersebut ialah;

- Bahagian A : Latar belakang responden (13 item)
- Bahagian B : Sikap pelajar terhadap pembelajaran (13 item)
- Bahagian C : Persekitaran pembelajaran (9 item)

Penggunaan soal selidik sebagai instrumen kajian yang utama bagi mendapatkan data berkaitan tajuk dan objektif kajian. Pemilihan soal selidik sebagai instrumen kajian dibuat berdasarkan rasional berikut ;

1. Responden dapat memberikan jawapan yang lebih telus memandangkan tiada pengaruh pengkaji semasa jawapan diberikan
2. Dapatan kajian diperolehi pada masa yang singkat sekali gus menjimatkan kos untuk pentadbiran instrumen kajian. Soal selidik dapat dijawab pada masa yang serentak oleh ramai responden
3. Responden dikehendaki menjawab soal selidik berdasarkan jawapan yang telah disediakan. Sekiranya pilihan responden tiada dalam pilihan jawapan, maka jawapan “lain-lain” disediakan.

Pembinaan item (soalan-soalan) bagi instrumen (borang soal selidik) kajian ini adalah berdasarkan pemerhatian pihak pengkaji terhadap prestasi akademik semasa para pelajar dan persekitaran atau situasi kolej kediaman.

Tidak seperti kelaziman soal selidik yang menggunakan skala *likert* bagi mengukur jawapan responden, item soal selidik bagi kajian ini menggunakan jawapan aneka pilihan bagi melihat faktor yang menyumbangkan ke arah kecemerlangan akademik di kalangan pelajar UTM. Jawapan aneka pilihan tersebut ditentukan terlebih dahulu oleh pihak pengkaji berdasarkan kebiasaan atau kecenderungan kepada jawapan.

Bilangan soalan bagi setiap bahagian adalah secara rawak (tidak menentu) dan berjumlah 35 item kesemua sekali (termasuk Bahagian A).

Sebanyak 800 borang soal selidik diagihkan kepada 13 buah kolej sebagai mana jadual 1.1 berikut :


Kolej Kediaman	Bil. Borang Soal Selidik	Bil. Dikembalikan
KRP	50	50
KTF	50	12
KTR	50	20
KTHO	50	25
KTDI	50	- Tiada -
KTC	50	48
KP	50	37
Kolej 9	50	26
Kolej 10	50	50
Kolej 11	50	15
Kolej 12/13	50	35
Kolej 14/15	50	39
Kolej 16/17	50	50

## 5.0 ANALISIS DATA

Data-data mentah dari hasil borang soal selidik yang telah dikumpulkan dari semua kolej (12 buah kolej) dianalisis menggunakan komputer melalui perisian statistik *Statistical Package for the Social Science* (SPSS v10.5). Hasil analisis dipersembahkan dalam bentuk statistik deskriptif iaitu min, frekuensi kekerapan, nilai maksimum dan minimum serta diberikan nilai secara peratusan bagi memudahkan perbandingan skor jawapan. Graf, jadual dan carta digunakan bagi menggambarkan nilai atau data hasil analisis. Permasalahan, faktor dan *pattern* kehidupan pelajar di kampus yang berkaitan dengan kajian dapat dilihat berdasarkan nilai peratusan hasil analisis jawapan borang soal selidik.

## 6.0 PERBINCANGAN HASIL DAPATAN KAJIAN

### 6.1 Bilangan responden mengikut umur




\*N = 407

Rajah 1 : Bilangan responden mengikut umur

Rajah 1 di atas menunjukkan taburan responden mengikut peringkat umur. Empat kategori umur diberikan pada pilihan jawapan iaitu (18-19 tahun), (20-21 tahun), (22-23 tahun) dan (24 tahun dan ke atas). Peringkat umur berkenaan dibuat berdasarkan kelaziman para pelajar peringkat IPTA. Dari 407 responden yang menjawab soal selidik, pelajar pada peringkat umur 20 – 21 tahun adalah paling ramai di kalangan responden dengan 52.8% (215 orang). Ini diikuti pelajar pada peringkat umur 22 -23 tahun iaitu seramai 151 orang (37.1%), peringkat umur 24 tahun atau lebih mewakili 5.7% atau 23 orang dari keseluruhan responden. Akhir sekali pelajar pada peringkat umur 18 -19 tahun iaitu 18 orang (4.4%). Perbezaan ketara antara pelajar peringkat (20-21 tahun) dengan (18-19 tahun) mungkin disebabkan sistem pengambilan pelajar di UTM berubah dari ambilan lepasan SPM kepada ambilan STPM atau diploma. Tambahan pula taburan penghuni kolej kediaman adalah tidak sekata iaitu setiap kolej didiami oleh peringkat umur pelajar yang pelbagai.

## 6.2 Bilangan responden mengikut jantina




\*N = 407

**Rajah 2 : Bilangan responden mengikut jantina**

Rajah 2 menunjukkan taburan responden mengikut jantina. Peratusan tertinggi menunjukkan pelajar lelaki lebih ramai menjawab soal selidik iaitu 66.3% atau 270 orang. Ini diikuti pelajar perempuan seramai 137 orang (33.7%). Fenomena ini sedikit sebanyak menyokong statistik rekod kemasukan pelajar bahawa lelaki lebih ramai mengikuti pengajian di UTM. Ini mungkin disebabkan pengajian di UTM berteraskan bidang teknikal yang sememangnya dominan dengan lelaki.

## 6.3 Bilangan responden mengikut kategori penjaga




\*N = 407

**Rajah 3 : Bilangan responden mengikut kategori penjaga**

Berdasarkan Rajah 3 didapati bahawa pelajar yang mempunyai ibu bapa (pada anggapan pengkaji ibu bapa kandung) lebih mendominasi bilangan responden iaitu seramai 364 atau 89.4%. Ini diikuti kategori penjaga terdiri dari ibu/bapa tunggal dengan seramai 31 orang (7.6%) dan paling sedikit iaitu penjaga terdiri dari lain-lain individu (mungkin suami, adik-beradik atau saudara-mara, pada anggapan pengkaji) iaitu dengan seramai 12 orang atau 2.9%.

#### 6.4 Bilangan responden mengikut jenis kelayakan (akademik) masuk ke UTM




\*N = 407

**Rajah 4 : Bilangan Responden mengikut jenis kelayakan masuk ke UTM**

Rajah 4 menunjukkan bahawa bilangan responden yang memasuki UTM melalui saluran Matrikulasi adalah yang paling ramai iaitu 157 orang atau 38.6% berbanding menggunakan saluran SPM (133 orang atau 32.7%). Ini diikuti kemasukan melalui diploma seramai 64 orang (15.7%), STPM (38 orang atau 9.3%) dan lain-lain saluran kemasukan (15 orang atau 3.7%). Jumlah responden tertinggi melalui kemasukan saluran matrikulasi mungkin didorong faktor perubahan sistem kemasukan ke UTM yang tidak lagi melalui SPM sejak sesi 2002/2003.

### 6.5 Bilangan responden mengikut fakulti




\*N = 407

Rajah 5 : Bilangan responden mengikut fakulti

#### \*Rujuk lampiran untuk senarai penuh fakulti

Sementara dari aspek taburan responden mengikut fakulti (rujuk jadual 5 di atas), majoriti responden terdiri dari pelajar FKE dengan 105 orang (25.8%), diikuti pelajar FKM (76 orang / 18.7%), pelajar FS (50 orang / 12.3%), pelajar FKA (32 orang / 7.9%), pelajar FP (31 orang / 7.6%). Manakala taburan terendah (bilangan) responden dengan kurang dari 30 orang terdiri dari pelajar FSKSM iaitu 29 orang (7.1%), diikuti pelajar FAB dengan 27 orang (6.6%), pelajar FPPSM dengan 25 orang (6.1%), pelajar FKSG iaitu 20 orang atau 4.9% dan bilangan responden terendah terdiri dari pelajar FKKKSA dengan bilangan seramai 12 orang (2.9%). Perbezaan nyata antara peratusan responden FKE dan FKM dengan fakulti lain mungkin atas faktor kerawakan taburan soal selidik ke atas setiap kolej adalah berbeza. Mungkin di sini terdapat sebilangan besar pelajar fakulti berkenaan mendiami sesebuah kolej atas beberapa sebab. Dan jika dilihat hasil analisis (rujuk lampiran) terdapat perbezaan nyata peratusan responden antara kolej.

## 6.6 Bilangan responden mengikut kolej kediaman




\*N = 407

Rajah 6 : Bilangan responden mengikut kolej kediaman

Jika dilihat dari aspek kolej kediaman responden, maka responden dari Kolej 16/17, KRP dan Kolej 10 adalah teramai yang menjawab borang soal selidik ini iaitu 12.3% atau 50 orang dari jumlah keseluruhan responden. Faktor ini mungkin disebabkan pihak pengkaji mengendalikan sendiri urusan borang soal selidik di kolej berkenaan. Berikutnya bilangan responden berdasarkan kolej ialah responden dari KTC iaitu 48 orang (11.8%), Kolej 14/15 (39 orang atau 9.6%), KP (37 orang atau 9.1%), Kolej 12 (35 orang atau 8.6%), KTHO (25 orang atau 6.1%), Kolej 9 (26 orang atau 6.3%), KTR (20 orang sahaja 4.9%), KTF (12 orang atau 2.9%) dan Kolej 11 (15 orang atau 3.7%). Perbezaan ketara bilangan atau peratusan responden antara kolej kediaman mungkin disebabkan pengagihan borang soal selidik yang tidak sekata (rawak) dan masalah kerjasama dari wakil (pengurus-tadbir) pihak pengkaji bagi kolej berkenaan untuk memungut kembali borang soal selidik.


### 6.7.1 : Taburan responden mengikut pencapaian akademik (GPA terkini)



\*N = 407



### 6.7.2 Bilangan responden mengikut pencapaian akademik (CPA terkini)




\*N = 407

Berdasarkan rajah 6.7.1 & 6.7.2 boleh disimpulkan bahawa pencapaian akademik responden tidak jauh berbeza sama ada dari segi GPA (rajah 6.7.1) atau CPA (rajah 6.7.2). Ini dapat dilihat bilangan responden majoritinya berada pada paras sederhana rendah (2.50 – 2.99) iaitu 38.6% bagi GPA dan 40.5% bagi CPA. Ini diikuti dengan pencapaian akademik pada paras sederhana tinggi (3.00 – 3.49) iaitu 31.9 % bagi GPA dan 30.2% bagi CPA. Manakala bagi pencapaian akademik terendah (2.49 dan ke bawah) peratusan responden adalah 15.2% bagi GPA dan 16.5%. Akhir sekali minoriti responden dengan 14.3% bagi GPA dan 12.8% bagi CPA berada pada pencapaian akademik tertinggi iaitu *first class degree* (3.50 dan ke atas).

Berdasarkan hasil analisis tersebut boleh dikaitkan dengan pencapaian akademik pelajar Bumiputera dengan majoriti lebih 55% di UTM adalah berada pada paras sederhana rendah (*second class lower*). Berbanding pencapaian pelajar *non-bumi* adalah berada pada paras sederhana tinggi (*second class upper*). Dan kenyataan ini disokong dengan perbezaan jumlah graduan (majlis konvokesyen setiap tahun) antara *second class upper* dan *second class lower* jika dilihat dari aspek bangsa. Tambahan pula majoriti penghuni kolej kediaman (sama ada lingkaran dalam atau luar) terdiri dari pelajar Bumiputera. Sebagai cadangan, pihak pentadbiran dan pengurusan kolej perlu memberi perhatian serius perkara ini memandangkan majoriti (bahkan hampir semua) pengetua, felo dan pembantu felo adalah Bumiputera.

## 6.8 Bilangan responden mengikut corak belajar



\*N = 407

**Rajah 6.8.1 dan 6.8.2 : Bilangan responden mengikut corak belajar**

Berdasarkan dapatan rajah 6.8.1 & 6.8.2 boleh disimpulkan bahawa majoriti responden memilih untuk belajar dengan rakan atau *study group* atau mengadakan diskusi. Ini dapat dibuktikan peratusan bagi responden belajar secara berkumpulan ialah 56.8% dan menyiapkan tugas secara berbincang sebanyak 83.8%. Manakala cara belajar secara bersendirian kurang dipraktikkan di kalangan responden dengan 43.2% responden belajar secara bersendirian dan 16.2% menyiapkan tugas secara bersendirian. Faktor ini mungkin disebabkan kebanyakan pelajar dari fakulti yang sama turut mendiami kolej yang sama atau berhampiran. Dan ini memudahkan mereka untuk membina *study group* atau membuat perbincangan akademik. Ini disokong dengan dapatan (Jadual 5) bahawa kebanyakan pelajar dari fakulti yang sama tinggal di kolej yang sama

## 6.9 Sikap responden di dalam kelas

Jadual 6.9.1 dan 6.9.2 : Sikap responden di dalam kelas

Soalan : Tindakan anda di dalam kelas, sekiranya mempunyai persoalan		
Respons	Bilangan	Peratusan
Bertanya kepada rakan	238	58.5%
Bertanya kepada pensyarah	146	35.9%
Mendiamkan diri	23	5.7%

\*N = 407

Soalan : Bagaimana cara anda mengambil nota		
Respons	Bilangan	Peratusan
Menyalin sendiri	321	78.9%
Meminjam nota rakan	74	18.2%
Lain-lain	12	2.9%

\*N = 407

Dari Jadual 6.9.1 & 6.9.2 bahawa pengaruh kawan sangat kuat dalam pelbagai aspek sehinggakan 58.5% (238 responden) memilih untuk bertanya kepada kawan sekiranya mempunyai persoalan ketika di dalam kelas. Sebaliknya tindakan lebih bijak 35.9% (146 orang) responden memilih dengan bertanya terus kepada pensyarah. Tetapi dari aspek membuat nota, hanya 18.2% responden meminjam nota rakan bagi disalin atau tujuan ulang kaji berbanding majoriti 78.9% lebih suka menyalin sendiri nota semasa sesi kuliah diadakan.

Manakala 5.7% atau 23 responden mengambil jalan mudah iaitu mendiamkan diri sekiranya mempunyai persoalan semasa mengikuti kuliah. Responden juga dilihat berkecenderungan mengambil tindakan lain seperti fotokopi nota walaupun tidak ramai yang berbuat demikian iaitu 2.9%. Terdapat dua rumusan yang boleh dibuat di sini. Pertama, pensyarah perlu lebih “mesra” pelajar ketika di dalam kelas (sebaiknya sepanjang masa) agar pelajar tidak malu atau takut untuk mengemukakan sebarang persoalan sekiranya aspek pengajaran kurang difahami pelajar. Kedua, responden perlu bersikap mengambil inisiatif sendiri untuk menyalin atau membuat nota daripada mengharap nota rakan (mungkin keliru dengan nota yang dibuat orang lain).

## 6.10 Cara responden belajar (aspek masa belajar)

Jadual 6.10 : Cara responden belajar (aspek masa belajar)

Soalan : Bagaimana cara anda belajar		
Respons	Bilangan	Peratusan
Awal & Berterusan	209	51.4%
“Last Minute”	198	48.6%

\*N = 407

Jadual 6.10 di atas menunjukkan 2 kumpulan responden yang hampir sama (kurang berbeza) dari segi peratusan dalam aspek masa belajar. Majoriti responden dengan 51.4% atau 209 orang menjawab mereka belajar secara awal dan berterusan berbanding responden kumpulan kedua seramai 198 orang atau 48.6% yang belajar secara *last minute* atau saat akhir menjelang peperiksaan. Dapatan ini boleh dikatakan agak seimbang dari segi kuantiti tetapi apakah cara belajar secara awal & berterusan boleh dijadikan faktor kecemerlangan dalam peperiksaan. Sebaliknya berdasarkan perbincangan dapatan (jadual 7 & 8) maka perkara ini agak kontra kerana menurut kajian pakar motivasi bahawa belajar secara awal & berterusan menjamin kemungkinan yang tinggi bagi kejayaan dalam peperiksaan. Dapatan (jadual 11) boleh dikaitkan dengan tugas pelajar (*assignment*) (yang difahami termasuk dalam aspek belajar dan beban akademik) yang dibuat sejak awal dan berterusan hingga akhir semester.

### 6.11 Sikap responden terhadap pembelajaran di dalam dewan kuliah

#### Jadual 6.11.1 dan 6.11.2 : Sikap responden terhadap pembelajaran di dalam dewan kuliah

Soalan : Bila anda sampai ke dewan / bilik kuliah		
Respons	Bilangan	Peratusan
5 -15 minit sebelum	224	55%
Tepat pada waktu	151	37.1%
5 -15 minit lewat	32	7.9%

\*N = 407

Soalan : Tempat duduk anda di dalam dewan kuliah		
Respons	Bilangan	Peratusan
Depan	99	24.3%
Tengah	253	62.2%
Belakang	55	13.5%

\*N = 407

Dari 407 responden, didapati seramai 224 orang (55%) responden hadir ke kuliah 5-15 minit lebih awal atau sebelum waktu kuliah. Berbanding 151 responden (37.1%) hadir tepat pada waktu kuliah dan selebihnya 32 responden (7.9%) lewat 5 – 15 minit ke dewan kuliah. Ini boleh disimpulkan bahawa pelajar agak prihatin dari aspek ketepatan waktu kuliah (*punctuality*). Walaupun majoritinya sampai awal ke dewan kuliah, tetapi kebanyakannya (62.2%) memilih duduk di bahagian tengah. Selebihnya duduk di bahagian hadapan dengan 24.3% dan 13.5% duduk di bahagian belakang dewan atau bilik kuliah. Mungkin faktor susunan dan kapasiti dewan kuliah mempengaruhi pelajar memilih tempat dalam dewan kuliah.

## 6.12 Sikap responden terhadap cara belajar dan mengulang kaji pelajaran

Jadual 6.12.1, 6.12.2 dan 6.12.3 : Sikap responden terhadap cara belajar dan mengulang kaji pelajaran

Soalan : Peruntukan masa belajar dalam sehari		
Respons	Bilangan	Peratusan
1 jam	61	15%
2 jam	123	30.2%
3 jam	124	30.5%
4 jam	69	17%
> 5 jam	30	7.4%

\*N = 407

Soalan : Bilakah waktu paling efektif bagi anda mengulangkaji pelajaran		
Respons	Bilangan	Peratusan
Pagi	87	21.4%
Petang	14	3.4%
Malam	222	54.5%
Selepas tengah malam	84	20.6%

\*N = 407

Soalan : Di manakah anda mengulangkaji pelajaran		
Respons	Bilangan	Peratusan
Kolej	358	88%
Perpustakaan	49	12%

\*N = 407

Berdasarkan Jadual 6.12.1, 6.12.2 dan 6.12.3, boleh dirumuskan bahawa majoriti responden dengan memperuntukkan masa antara 2 - 3 jam sehari pada waktu malam bagi mengulang kaji pelajaran. Manakala tumpuan tempat mengulang kaji ialah kolej kediaman atau lebih tepat lagi di bilik masing-masing. Faktor ini mungkin disebabkan keselesaan dan kemudahan untuk berbuat demikian. Tambahan pula kebanyakan kolej lingkaran luar menawarkan kemudahan “sebilik” bagi setiap pelajar dan ini memberikan lebih *privacy* untuk mengulang kaji pelajaran. Ini dapat dibuktikan melalui 88% memilih kolej sebagai tempat mengulang kaji pelajaran berbanding 12% di perpustakaan.

### 6.13 Taburan responden mengikut kekerapan penggunaan perpustakaan



\*N = 407

**Rajah 6.13 : Taburan responden mengikut kekerapan penggunaan perpustakaan**

Berdasarkan rajah 6.13, majoriti responden dengan 53.1% dari 407 jumlah responden menggunakan perpustakaan (Perpustakaan Sultanah Zanariah, PSZ) selama 1 – 2 jam seminggu bagi pelbagai tujuan berkaitan (peruntukan masa yang sedikit ini mungkin disebabkan responden sekadar peminjaman dan pemulangan bahan berkaitan). Selebihnya iaitu 23.6% dan 23.3% responden memperuntukkan masa antara 3-4 jam atau lebih 5 jam bagi menggunakan perpustakaan. Ini dapat dikaitkan dengan dapatan pada jadual 13(c) bahawa majoriti responden memilih kolej sebagai tempat utama untuk mengulang kaji pelajaran atau mengadakan perbincangan. Oleh itu perhatian perlu diberikan kepada keselesaan dan kemudahan kolej bukan sahaja sebagai tempat membina sahsiah, bahkan pemangkin kecemerlangan akademik.

### 6.14 Faktor peningkatan akademik di kolej

**Jadual 6.14.1 & 6.14.2 : Faktor peningkatan akademik di kolej**

Soalan : Siapakah yang banyak membantu anda dalam peningkatan akademik di kolej		
Respons	Bilangan	Peratusan
Pengetua	6	1.5%
Felo	6	1.5%
Pembantu Felo	8	2%
Rakan	387	95.1%

\*N = 407

<b>Soalan : Apakah aspek berkaitan dengan felo yang tidak membantu pembelajaran anda</b>		
<b>Respons</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan</b>
Felo yang terlalu mementingkan program kolej	72	17.7%
Felo yang tidak bertolak ansur	100	24.6%
Felo yang tegas dengan peraturan di kolej	80	19.7%
Felo yang terlalu sibuk	155	38.1%

\*N = 407

Dapatan jadual 6.14.1 & 6.14.2 boleh dikaitkan dengan pengaruh rakan dalam pelbagai aspek. Seramai 387 atau 95.1% majoriti responden menyatakan rakan paling banyak membantu dalam peningkatan akademik di kolej. Manakala 2% sahaja responden menyatakan pembantu felo (PF) dan 1.5% bagi pengetua dan felo. Faktor ini mungkin disebabkan pengetua, felo dan PF agak sukar ditemui atau perbezaan dari segi bidang akademik. Jadual 6.41.2 menunjukkan majoriti 38.1% responden bersetuju bahawa felo yang terlalu sibuk menyukarkan mereka menemui felo. Tambahan pula kebanyakan mereka (pengetua, felo dan pembantu felo) mempunyai beban akademik dan lebih tertumpu di fakulti masing-masing.

Manakala jadual 6.41.2 menunjukkan faktor-faktor mengapa responden beranggapan bahawa felo kurang membantu mereka dari aspek peningkatan akademik. Oleh itu pihak pengetua, felo dan PF mencari ruang dan masa sesuai untuk membantu pelajar dari aspek kecemerlangan akademik di kolej. Bukan sahaja dalam aspek akademik, bahkan mungkin motivasi atau berbentuk kerohanian

### 6.15 Tanggapan responden terhadap felo

<b>Soalan : Apakah aspek yang berkaitan felo dapat membantu anda</b>		
<b>Respons</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan</b>
Felo yang boleh membantu membangunkan sahsiah	73	17.9%
Felo yang boleh membantu akademik	84	20.6%
Felo yang mengambil perhatian tentang masalah pelajar	250	61.4&%

\*N = 407

**Jadual 6.15 : Tanggapan responden terhadap felo**

Jadual 6.15 menunjukkan apakah aspek-aspek yang perlu diberi perhatian bagi memperbaiki “rasa tidak puas hati” di kalangan responden terhadap felo sebagaimana dapatan jadual 15 (a) dan (b). Kalangan majoriti responden (250 orang atau 61.4%) bersetuju bahawa felo perlu memberikan perhatian kepada permasalahan mereka di kolej. Masalah tersebut mungkin disebabkan faktor kemudahan kolej, masalah disiplin pelajar atau kekangan lain. Aspek lain, keperluan responden kepada felo bagi membantu kecemerlangan akademik (20.6%) dan membangunkan sahsiah (17.9%).

## 6.16 Tanggapan responden terhadap pensyarah

**Soalan : Apakah aspek yang berkaitan dengan pensyarah yang dapat membantu pembelajaran anda**

Respons	Bilangan	Peratusan
Pensyarah yang tidak lokek markah	69	17.0%
Pensyarah yang mudah dihubungi	62	15.2%
Pensyarah yang boleh menerangkan dengan jelas	169	41.5%
Pensyarah yang pandai mengambil hati pelajar	36	8.8%
Pensyarah yang pandai mengajar	71	17.4%

\*N = 407

**Soalan : Apakah aspek yang berkaitan dengan pensyarah yang tidak membantu pembelajaran anda**

Respons	Bilangan	Peratusan
Pensyarah yang ego	122	30.0%
Pensyarah yang garang	71	17.4%
Pensyarah yang selalu sibuk	106	26%
Pensyarah yang sukar dihubungi	108	26.5%

\*N = 407

### Jadual 6.16.1 & 6.16.2 : Tanggapan responden terhadap pensyarah

Dua jadual di atas menunjukkan tanggapan responden terhadap pensyarah sama ada positif atau negatif. Jadual **6.16.1** menunjukkan bahawa majoriti responden dengan 169 orang (41.5%) memilih “pensyarah yang boleh menerangkan dengan jelas” (semasa kuliah) sebagai faktor yang dapat membantu pembelajaran. Ini diikuti responden memilih “pensyarah yang pandai mengajar” iaitu seramai 71 orang (14.4%), “pensyarah yang tidak lokek markah” iaitu seramai 69 orang (17%), “pensyarah yang mudah dihubungi” (62 orang atau 15.2%) dan akhir sekali dengan bilangan responden paling sedikit memilih “pensyarah yang pandai mengambil hati pelajar” iaitu 36 orang atau 8.8% sahaja.

Manakala jadual **6.16.2** menunjukkan majoriti responden dengan 122 orang (30) bersetuju bahawa “pensyarah yang ego” tidak membantu aspek pembelajaran mereka. Yang lain sebagaimana jadual 17(b) di atas.

Kesimpulan yang dapat dibuat pelajar lebih menitikberatkan aspek pengajaran dari pensyarah berbanding faktor lain dalam usaha ke arah peningkatan akademik. Sebaliknya pensyarah yang ego dan sukar dihubungi menyukarkan pelajar untuk bertemu atau membincangkan keperluan tugasan. Maka di sini pensyarah perlu meningkatkan kualiti pengajaran sedia ada dan memperuntukkan lebih ruang untuk pertemuan dengan pelajar di samping sikap yang lebih terbuka.




### 6.17 : Tanggapan responden terhadap kemudahan fakulti

Soalan : Adkah kemudahan di fakulti membantu dalam peningkatan akademik anda		
Respons	Bilangan	Peratusan
YA	345	84.8%
TIDAK	62	15.2%


\*N = 407

Jadual 6.17 : Tanggapan responden terhadap kemudahan fakulti

### 6.18 : Tanggapan responden terhadap kemudahan kolej



\*N = 407



\*N = 407

Rajah 6.18.1 & 6.18.2 : Tanggapan responden terhadap kemudahan kolej

Dapatan **Rajah 6.18.1 & 6.18.2** menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa kolej adalah selesa sama ada untuk meningkatkan akademik atau kediaman di kampus. Seramai 347 responden atau 85.3% mengatakan bahawa kolej membantu dari segi peningkatan akademik dan 92.9% mengatakan kolej selesa untuk didiami. Manakala sedikit sahaja bilangan responden menyatakan tidak puas hati dengan keselesaan kolej sama ada kemudahan atau peningkatan akademik. Ini dapat dilihat pada 14.7% atau 60 responden pada **rajah 6.18.1**, 29 orang (7.1%) pada **rajah 6.18.2**.

Kesimpulan yang dapat dibuat kemudahan semasa kolej kediaman adalah pada tahap memenuhi keperluan pelajar sama ada akademik atau sebagai tempat kediaman. Apa yang perlu ialah kecekapan penyelenggaraan (*maintenance*) dipertingkatkan dan menambah nilai keselesaan kemudahan di kolej selaras dengan aspirasi universiti bertaraf dunia 2010 tercapai.

## **7.0 KESIMPULAN**

Secara umumnya, daripada kajian yang telah dijalankan didapati faktor persekitaran dan sikap pelajar terhadap pembelajaran banyak mempengaruhi kecemerlangan akademik pelajar di Universiti Teknologi Malaysia. Suasana pembelajaran yang kondusif amat diperlukan bagi memastikan pelajar dapat belajar dengan selesa dan boleh memahami sesuatu pelajaran dengan mudah. Selain itu juga sikap pelajar sama ada dari segi disiplin, kesungguhan ketika belajar di dewan kuliah, hubungan dengan pensyarah dan cara pembelajaran juga amat penting bagi membantu melahirkan pelajaran yang cemerlang dari segi akademik. Oleh sebab itu, tidak dinafikan semua faktor-faktor di atas sebenarnya saling berkait dalam membantu meningkatkan kecemerlangan akademik pelajar.